

Sarjan polis didakwa terima rasuah RM600

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menerima rasuah wang tunai RM600, dua tahun lalu.

Abu Samah Jahaya, 45, didakwa menerima suapan itu daripada seorang lelaki, K. Paramasivam sebagai upah supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana kesalahan meletak van syarikat di tempat letak motosikal.

Anggota dari Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul itu didakwa melakukan perbuatan tersebut kira-kira pukul 6.20 petang, 3 Disember 2004 di Stesen LRT berhampiran sebuah kuil Hindu di Jalan 2/48A, Bandar Baru Sentul di sini.

Tertuduh yang kini ditahan tugas turut mengaku tidak bersalah atas tuduhan kedua melakukan pemerasan terhadap Paramasivam iaitu meletakkan ganja ke dalam van syarikatnya sehingga mendatangkan ketakutan kepada mangsa.

Abu Samah didakwa melakukan perbuatan itu kira-kira pukul 12.45 malam, sehari sebelum itu di tempat letak motosikal Flat Sri Kelantan, Sentul.

Hakim Rosenani Abdul Rahman membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000.

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 9 Januari ini.